

TARIKH	24 / 04 / 2014	SEKSYEN	DUNIA
MUKA SURAT	36	RUANGAN	

MERS-CoV semakin membimbangkan



» 11 kes terbaru dikesan, termasuk yang pertama di Makkah

Riyadh

Arab Saudi semalam mengumumkan 11 lagi kes terbaru Sindrom Pernafasan Asia-Barat-Virus Korona (MERS-CoV) termasuk kes pertama di bandar suci Islam, Makkah.

Kenyataan Kementerian Kesihatan menyatakan lapan daripada mereka dimasukkan ke unit rawatan rapi, dua dalam keadaan stabil termasuk seorang lelaki Arab Saudi berusia 24 tahun dari Makkah, serta seorang tidak menunjukkan sebarang simptom.

Kes terbaru itu menjadikan bilangan keseluruhan jangkitan MERS-CoV adalah 272 termasuk 81 kematian, didaftarkan di seluruh negara itu, menjadikan ia paling teruk terjejas sejak kes pertama dikesan di timur Arab Saudi pada September 2012.

Kebanyakan kes terbaru adalah di Riyadh dan hub komersial Jeddah, dengan satu kes dilaporkan di Makkah yang dilawati setiap tahun oleh jutaan jemaah haji dan umrah dari seluruh dunia.

Tiga daripada jangkitan terba-

haru adalah membabitkan pekerja kesihatan manakala seorang budak perempuan berusia 13 tahun adalah antara kes yang dilaporkan di bandar pelabuhan Jeddah.

Peningkatan kes itu melahirkan kebimbangan pada ketika negara itu akan menerima kehadiran ramai jemaah dari seluruh dunia pada bulan Ramadan pada Julai ini ketika umat Islam berpuasa, dan jemaah haji kemudian pada awal Oktober di Makkah dan Madinah.

Pecat menteri kesihatan

Kebimbangan itu memaksa negara Teluk itu memecat menteri kesihatannya, Abdullah al-Rabiah pada Isnin tanpa memberikan penerangan rasmi.

Rabiah minggu lalu melawat hospital di Jeddah untuk menengarai masyarakat yang panik berikutnya tersebutnya virus berkenaan di kalangan kakitangan perubatan yang menyebabkan penutupan sementara bilik kecemasan Hospital Raja Fahd.

Menyatakan bahawa kes terbaru adalah di Riyadh dan hub komersial Jeddah, dengan satu kes dilaporkan di Makkah yang dilawati setiap tahun oleh jutaan jemaah haji dan umrah dari seluruh dunia.

Tiga daripada jangkitan terba-

Fahd di Jeddah.

Katanya, beliau bersyukur kerana beberapa pesakit yang termasuk doktor semakin pulih.

Fakieh berjanji memberikan maklumat telus melalui media dan masyarakat akan diberikan penerangan sewajarnya mengenai virus itu.

Sekurang-kurangnya empat doktor di Hospital Raja Fahd dilaporkan meletak jawatan minggu lalu kerana enggan merawat pesakit MERS-CoV.

Virus terbatit disifatkan paling membawa maut tetapi kurang berjangkit berbanding virus SARS (Sindrom Pernafasan Akut Teruk) yang tercesset di Asia pada 2003 dan menjangkiti 8,273 orang dengan sembilan peratus daripadanya maut.

Pakar masih bergelut untuk memahami mengenai virus MERS-CoV yang sehingga kini belum mempunyai sebarang vaksin.

Satu kajian terbaru berkata virus berkenaan adalah luar biasa ditemui pada unit sejak 20 tahun lalu dan ia mungkin dijangkiti secara terus daripada haiwan terbit kepada manusia.

AFP/REUTERS

Seorang wanita rakyat asing memakai topeng menutup mulut dan hidung ketika meninggalkan unit kecemasan hospital di Jeddah, semalam. (FOTO AFP)